



Gapura Ilmu Merentas Dunia

myLibrary

SURAT BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 06



**Academic Publishing Workshop:
How to write a great research paper**

JOVE : The First Scientific Video Journal

Koleksi Sejarah UPM

**Anjung Siswazah:
Perkhidmatan terbaru di PSAS**

PEMBUKA BICARA

Salam sejahtera kepada semua pembaca MyLibrary.

Sejak sekian lama, bahan rujukan di Perpustakaan merupakan sumber yang terpenting dalam sesebuah universiti. Terdapat pelbagai sumber seperti buku, kamus, ensiklopedia, buku panduan, direktori, laporan perangkaan, jurnal bercetak dan elektronik serta bahan media yang boleh dipinjam keluar atau dirujuk di dalam Perpustakaan sahaja. Selain itu, pengguna boleh mendapatkan artikel jurnal elektronik daripada pelbagai bidang melalui pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan.

Buat masa sekarang, purata harga buku teks luar negara adalah antara RM300 hingga RM500. Manakala setiap artikel jurnal elektronik di pasaran Internet berharga USD22 (RM80) hingga USD40 (RM140). Tanpa kita sedari, Perpustakaan telah lama menjalankan peranan profesional membantu pelajar dan pensyarah mendapatkan bahan ilmiah yang bernilai tinggi. Justeru itu, Perpustakaan tetap menjadi pilihan walaupun terdapat lambakan maklumat di Internet yang sememangnya sering diragui kesahihan dan ketepatannya.

Kita sememangnya bertuah kerana Perpustakaan Sultan Abdul Samad mempunyai koleksi yang terbaik untuk kemudahan semua warga Universiti. Hargailah koleksi ini dengan menggunakannya secara berhemah demi kebaikan bersama. Gejala merosakkan koleksi perpustakaan boleh merugikan semua pihak. Elakkan sikap vandalisme. Hargailah Perpustakaan Anda.

Salam hormat.

MOHD DASUKI SAHAK
Editor
dasuki@lib.upm.edu.my

ISI KANDUNGAN

1. Pembuka Bicara	2
2. Sidang Pengarang	2
3. Do you know...	3
4. Anjung Siswazah	4
5. Karya lukisan sumbangan Access Dunia	6
6. Karya lukisan sumbangan VTLS	7
7. News: Collection Assessment Workshop	8
8. News: Workshop on Research Trend and Information Resources	10
9. Koleksi Sejarah UPM	11
10. News: Elsevier Workshop	12
11. Kegiatan Penyelidikan dan Penulisan oleh Pustakawan	14
12. Online database JOVE	17
13. Book Review	18
14. Lawatan	19
15. Pemenang Pertandingan Fotografi	20



SIDANG PENGARANG

Penaung
Amir Hussain Md. Ishak

Penasihat
Rosmala Abdul Rahim

Ketua Editor
Hawa Abdul Majid

Editor
Mohd Dasuki Sahak

Penulis
Ketua-Ketua Bahagian PSAS

Jurufoto
Amir Hafizan Md Samuri

Pereka Grafik
Suzaini Mohamad Kasim

Pengedaran
Norita Idris
Norlela Mohd Yusof

'My Library' merupakan surat berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM. Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di PSAS.

Hantarkan komen dan pendapat anda bagi meningkatkan mutu penerbitan 'My Library' melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor, 'MyLibrary'
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor.

Tel. : 0389467040
Faks : 03-89483745
E-mel : buletin@lib.upm.edu.my

Do you know....



The Library is your partner in research, contributing a range of services, resources and programs to strengthen your effective discovery, use and management of information

All questions are welcome at Readers Advisory Desk



Learn how to Access an information through Information Literacy Program



Variety of Audio-Visual Material such as CD-Roms, Map, Microfilms, and etc.





ANJUNG SISWAZAH
 PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD



Kemudahan ruang santai yang selesa.



Meja dilengkapi dengan lampu belajar dan kerusi yang selesa.

“Kemudahan perpustakaan bertaraf hotel lima bintang”, itulah ulasan daripada pengadil daripada Persatuan Pustakawan Malaysia terhadap bangunan Anjung Siswazah, Perpustakaan Sultan Abdul Samad semasa Majlis Penyampaian Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2011 di Perpustakaan Kuala Lumpur.

Bangunan tambahan Perpustakaan di Blok B yang dikenali sebagai Anjung Siswazah merupakan salah satu perkhidmatan terbaharu khusus kepada pelajar Siswazah. Perkhidmatan ini telah mula di buka sejak Bulan April 2012.

Jumlah keseluruhan ruang lantai bangunan ialah 415m2 dan dibahagikan kepada tiga aras. Bangunan ini mampu menampung seramai 500 orang pengguna dalam satu masa dan mengandungi ruang kerja dan ruang bacaan. Bangunan ini turut dilengkapi dengan sistem keselamatan.

Kos projek bangunan Anjung Siswazah yang bernilai RM3,200,000.00 mula dibina pada Jun 2009 oleh Syarikat Kontraktor SDE BINA Sdn Bhd. Pada 3 Jun 2010, pihak Kontraktor dengan rasminya menyerahkan kunci kepada Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, UPM dan seterusnya diserahkan kepada pihak Perpustakaan yang diwakili oleh Cik Hafizah Hassan, Timbalan Ketua Pustakawan.



Bangunan Anjung Siswazah dalam proses pembinaan



Majlis penyerahan kunci bangunan pada 3 Jun 2010, Cik Hafizah Hassan menerima kotak kunci dari pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset UPM.



Meja bacaan dilengkapi plug internet dan elektrik

Sumbangan Lukisan ACCESS DUNIA

Sumbangan Lukisan Untuk Anjung Siswazah
 Perpustakaan Sultan Abdul Samad
 Oleh Mohd Dasuki

Lukisan “Garden of Learning” yang terletak di Anjung Siswazah merupakan sumbangan Syarikat Access Dunia Sdn Bhd kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Lukisan minyak ini ditempah khas dari Bali, Indonesia dan dilukis oleh seorang pelukis yang bernama Nanang Rogojampi.

Lukisan “Garden of Learning” menggambarkan taman

bunga daripada pelbagai bentuk, saiz, jarak dan warna. Bunga-bunga ini mewakili pengetahuan semua mata pelajaran, tahap dan bahasa bagi sesiapa sahaja yang ingin belajar tanpa mengira jantina, umur, kebolehan atau kecenderungan.

Lukisan ini telah diserahkan pada bulan November 2012 yang lalu oleh Encik Simon Tay, Pengarah Urusan Access Dunia Sdn Bhd kepada Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan, Universiti Putra Malaysia.

SUMBANGAN LUKISAN VTLS

SUMBANGAN LUKISAN UNTUK ANJUNG SISWAZAH
 PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
 Oleh Amir Hussain Md. Ishak



Renungan Mentari

*hembusan pagi menyuburi
 membelai tubuh menyentuh sanubari
 laungan ilmu ingin ku kecapai
 yang kian lama ku idami*

*di sini permulaan
 peninggalan kampung halaman
 untuk memupuk kecermelangan
 kota yang menjadikan harapan*

*tuah badan kebahagiaan menyinari
 tuah minda ilmu dipadati
 yang gersang kini tersemai
 kehijauan yang ku hayati*

*apakah idaman sebenarnya
 yang menusuk sanubari
 Ku inginkan kembali
 mendukung sama ilmu kehidupan
 dijadikan teman dan pedoman*

*ku bangkit dengan kejayaan
 ku pulang dengan keredaan
 anugerah buat ayah dan bonda
 cinta yang kekal abadi
 ikatan jiwa hingga ke akhir hari*

.....di bawah renungan mentari

~ Jake Goh

VTLS Technologies Sdn. Bhd. telah menyumbangkan satu lukisan kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad untuk ditempatkan di Anjung Siswazah. Lukisan minyak berjudul “Runungan Mentari” telah dihasilkan oleh pelukis terkenal Jack Goh, Majlis penyerahan lukisan telah diadakan pada bulan Oktober 2012 yang lalu oleh Puan Gina Phan, Pengarah Urusan VTLS Technologies Sdn. Bhd.

Lukisan “Runungan Mentari” turut diiringi dengan sebuah sajak yang sama judul yang di tulis oleh pelukis sendiri.

Pelanggan pelukis Jack Goh terdiri dari ahli perniagaan, koporat dan orang kenamaan. Antaranya adalah Sultan Mirzan, Dato’ Seri Utama Rais Yatim, Dato’ Shahrul Azila, Standard Chartered Bank KL, Gleneagles Hospital KL, CEO INSTEDT (M) Sdn. Bhd, Kementerian Pertahanan Sepanyol, Pesuruhjaya Tinggi Swaziland, CEO Caroline Russell dari Boh Plantation dan pengumpul-pengumpul lukisan dari Australia, Germany, England, Paris, USA, dan Jepun.




Seri Kembangan / 4 September 2012 – Penilaian koleksi perpustakaan merupakan salah satu usaha Perpustakaan untuk memastikan koleksi yang dibangunkan bernilai tinggi. Koleksi yang bernilai tinggi adalah bahan bacaan dan rujukan yang memenuhi kehendak pengguna dan mencapai matlamat pembangunan koleksi sesebuah Perpustakaan.

Sehubungan itu, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan kursus yang bertajuk “Collection Assessment Workshop” pada 4 dan 5 September 2012 di Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan. Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan UPM dijemput bagi merasmikan bengkel ini. Manakala, Puan Hawa Abdul Majid selaku Pengerusi “Collection Assessment Workshop” menyampaikan ucapan aluan.

Seramai 62 orang peserta dari seluruh negara menyertai bengkel ini. Peserta yang datang adalah dari Perpustakaan Akademik, awam dan khusus, Perpustakaan Negara Malaysia juga turut menghantar peserta.

Bengkel yang bertemakan “Value for Money” bertujuan memberi pengetahuan dan perkongsian maklumat kepada para peserta mengenai konsep dan teknik-teknik penilaian koleksi perpustakaan. Selain itu, penganjuran bengkel ilmu seumpama ini juga merupakan tanggungjawab sosial PSAS kepada para pustakawan dari seluruh Malaysia untuk berkongsi dan menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman sepanjang bengkel diadakan.

Seramai enam (6) orang pakar telah dijemput sebagai penceramah. Ucaptama bengkel telah disampaikan oleh Prof Madya Dr Noor Azman Ali, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Korporat UPM. Manakala penceramah utama bengkel ialah Dr Szarina Abdullah, Principal Consultant dari Wisdom Synergy Sdn. Bhd. Dua orang Ketua Perpustakaan turut dijemput bagi menyampaikan ceramah iaitu Puan Kamariah Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan Universiti Teknologi Malaysia dan Puan Mastura Haji Muhammad, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor.



Selain itu, dua orang Ketua Bahagian PSAS turut menyampaikan ceramah mengenai pengalaman dalam menguruskan koleksi bahan bercetak dan terbitan bersiri iaitu Puan Azizah Zainal Abidin, Ketua Bahagian Terbitan Bersiri, PSAS dan Cik Haslina Abu Seman @Talib, Ketua Bahagian Pembangunan Koleksi PSAS. Semoga semua peserta memperolehi manfaat daripada menghadiri bengkel ini.



Prof. Dr Szarina Abdullah
 sedang menyampaikan kertas pembentangan yang bertajuk
 “Guide to Collection Assessment”



Cik Haslina Abdul Seman
 Ketua Bahagian Pembangunan Koleksi, PSAS
 sedang menyampaikan kertas pembentangan yang bertajuk
 “UPM Experience and Practise in Managing Book Collection”



Puan Nor Kamariah Mohd Desa
 Ketua Pustakawan UTM
 sedang menyampaikan kertas pembentangan bertajuk
 “Performance Indicator for Library Collection in BSISO 11620”



Puan Mastura
 Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor
 sedang menyampaikan kertas pembentangan yang bertajuk
 “Collection Management: Value for Money”



Puan Azizah Zainal Abidin
 Ketua Bahagian Terbitan Bersiri, PSAS
 sedang menyampaikan kertas pembentangan bertajuk
 “UPM Experience in Managing Electronic Collection”

WORKSHOP ON RESEARCH TREND AND INFORMATION RESOURCES IN AGRICULTURE



Peserta bengkel bergambar beramai-ramai



AGROVOC Linked Open Data & Technology Platforms for Agriculture
 (by Dr. Dickson Lukose, MIMOS)

Knowledge Sharing : A Bibliometric Analysis of Malaysian Agricultural Research
 (by Miss Norhazura Hamzah, PSAS)

Plantwise Knowledge Bank
 (by Dr. Sivapragasam Annamalai & Lina Yip, CABI)

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) in collaboration with Centre for Agricultural Bioscience International (CABI) organized a workshop on Research Trend and Information Resources which was attended by 40 participants. Workshop was held on 30th October 2012 in Termasa Room, Ground Level, A Block, UPM Library.

The objective of workshop is to keep participants abreast of current

issue in agriculture and learn how innovative information resources enhance agriculture research and development.

The workshop was officially launched by Encik Amir Hussain Md Ishak, Chief Librarian PSAS. Then, he also presented a paper on: Overview of Agriculture Information Resources. The paper touch on , UPM Library's role in supporting academician and researchers, Open Access Databases and Malaysian Agriculture Resources.

There are other three topics which were presented from by guest speakers such as AGROVOC Linked Open Data and Technology by Dr. Dickson Lukose from MIMOS; Knowledge Sharing: a bibliometric analysis of Malaysian Agricultural Research by Miss Norhazura Hamzah from UPM Library and Plantwise Knowledge Bank by Dr Sivapragasam Annamalai and Lina Yip from CABI. At the end of the workshop, a hands-on training on CABI searching tools was conducted.

KOLEKSI SEJARAH UPM

WARISAN DAN KHAZANAH BERTAMBAH BERTAMBAH UNTUK GENERASI AKAN DATANG.

Oleh Zarenah Wagino

Perpustakaan Sultan Abdul Samad kini, sedang mengorak langkah mewujudkan satu koleksi khas berkenaan sejarah atau koleksi memori Universiti Putra Malaysia (UPM). Koleksi sejarah sesungguhnya sangat penting bukan sahaja sebagai bahan bukti, sumber rujukan dan penyelidikan bahkan sebagai warisan dan khazanah berharga untuk generasi akan datang.

Justeru, dalam merealisasikan dan memperkukuhkan koleksi sejarah UPM ini, PSAS memohon sumbangan atau hadiah atau meminjam bahan-bahan yang mempunyai nilai sejarah mengenai UPM, bermula dari sekolah pertanian hingga universiti sama ada dalam bentuk penerbitan bercetak/gambar/video dan lain-lain daripada koleksi peribadi anda.

Kesediaan anda untuk memberikan sumbangan ini dilihat bukan sahaja

dapat membantu proses pengumpulan dan pembangunan koleksi sejarah bahkan dapat memelihara serta menguruskan bahan tersebut dengan lebih efisien.

Bahan-bahan yang disumbangkan akan diuruskan dan diselenggarakan dengan baik oleh Unit Arkib PSAS. Semoga usaha kita ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Puan Zarenah Wagino, Bahagian Media dan Arkib
 Tel: 03 8946 8617



ACADEMIC PUBLISHING WORKSHOP 2012

“HOW TO WRITE A GREAT RESEARCH PAPER AND GET IT ACCEPTED BY GOOD JOURNAL”

UPM / 22 Nov 2012 - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Penerbit Elsevier menganjurkan “Academic Publishing Workshop 2012: How to Write a Great Research Paper and Get it Accepted by Good Journal” pada 22hb November 2012 di Auditorium Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia. Bengkel ini dirasmikan oleh Encik Muzaffar Shah Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan UPM dengan diiringi pegawai PSAS pada 22 November 2012.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik penulisan penyelidikan dan cara menghantar artikel ke jurnal berimpak tinggi. Program seumpama ini mampu menterjemahkan peranan PSAS dalam kegiatan penulisan dan penyelidikan serta memperkukuhkan rangkaian kerjasama dengan pihak penerbit.

Seramai 800 orang peserta dari UPM yang terdiri daripada pelajar siswazah, pensyarah dan pegawai penyelidik menyertai bengkel ini. Bengkel ini dikendalikan oleh Mr Newman, Anthony AI, Publisher, Life Sciences, Elsevier yang berpangkalan di Amsterdam, Netherlands. Buat masa kini, Mr Newman bertanggungjawab menerbitkan sebanyak 15 tajuk jurnal

ACADEMIC PUBLISHING WORKSHOP 2012
Organised by Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM in collaboration with Elsevier

How to Write a Great Research Paper, And Get it Accepted by a Good Journal

Newman, Anthony A.L.
Publisher, Life Sciences, Elsevier
Based in Amsterdam, Mr Newman is currently responsible for several applied biochemistry journals. He joined Elsevier 25 years ago and has been Publisher for the last 12 years. By training he is a Polymer Chemist and was active in the industry before joining Elsevier.

Date: 22 November 2012
Venue: Auditorium, Faculty of Engineering, UPM

PROGRAMME		PROGRAMME	
Morning session		Afternoon session	
Time	Programme	Time	Programme
8.30 am	Registration	1.45 pm	Registration
9.45 am	Welcoming Address by Mr. Amir Hussain Md. Ishak, Chief Librarian, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia	2.30 pm	Presentation by Dr Anthony A.L. Newman, Publisher, Life Sciences, Elsevier
10.00 am	Presentation by Dr Anthony A.L. Newman, Publisher, Life Sciences, Elsevier	5.00 pm	End of session
12.30 pm	End of session		

dalam bidang ‘Biochemistry’ dan ‘Clinical Chemistry’ dan menjadi penerbit sejak 12 tahun yang lalu.

Antara topik menarik yang akan disampaikan dalam bengkel tersebut adalah: langkah-langkah sebelum menulis, penulisan bahasa akademik, tanggungjawab dan hak


sebagai seorang penulis serta cara menggunakan Scopus untuk menilai jurnal, pengarang dan kerjasama pengarang. PSAS turut mengadakan pameran mengenai produk Elsevier seperti ScienceDirect, Scopus dan E-Book di ruang legar auditorium.



Pendaftaran peserta




Encik Muzaffar Shah Kassim dan Mr. Anthony Newman




Ucapan perasmian oleh Encik Muzaffar, Pengerusi Program



Antara ahli jawatankuasa bengkel



Mr. Newman sedang menyampaikan ceramah



Pameran mengenai pangkalan data Science Direct



Peserta bengkel sedang mendengar ceramah yang disampaikan



Peserta bengkel yang sedang fokus mendengar ceramah

Kegiatan Penyelidikan dan Penulisan oleh Pustakawan

Oleh Hawa Abdul Majid

Kegiatan penyelidikan dan penulisan menjadi satu fenomena baharu dalam kalangan pustakawan di UPM. Ia merupakan sumbangan profesional pustakawan dan hasil daripada penulisan dan penyelidikan tersebut dapat dikongsi bersama dengan pengguna.

Kegiatan ini juga memastikan peranan Pustakawan seiring dengan perkembangan semasa dan memberi nilai tambah (value added) terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Selain daripada itu, kegiatan penyelidikan dan penulisan ini mampu meningkatkan kompetensi dan peranan pustakawan sebagai profesional maklumat (information professional) di Universiti.

Penganjuran persidangan dan seminar dalam bidang kepustakawanan dan sains maklumat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa merupakan platform kepada Pustakawan untuk terlibat secara profesional dalam kegiatan penyelidikan dan penulisan. Selain daripada menjadi peserta, pustakawan turut dijemput sebagai pembentang kertas kerja. Sehubungan dengan itu, PSAS telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel penulisan dan seminar di peringkat Jabatan sebagai persediaan awal kepada Pustakawan untuk bersama aktif dalam bidang penulisan/penyelidikan di Universiti.



Bengkel Penulisan dan Penerbitan Kertas Kerja Seminar

PSAS telah menjemput Prof. Madya Dr Norman Masrek, pensyarah dari Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA bagi mengendalikan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Kertas Kerja Seminar pada Januari 2012. Seramai 30 orang Pustakawan telah menghadiri bengkel ini. Sepanjang dua (2) hari berbengkel, peserta telah didedahkan dengan teknik-teknik penulisan kertas kerja seminar dan persidangan. Dr Norman turut mengupas isu-isu semasa yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan dalam bidang kepustakawanan dan sains maklumat.

Seminar Perpustakaan Sultan Abdul Samad 2012

Buat julung kalinya, Bahagian Latihan dan Khidmat Sokongan, PSAS, telah menganjurkan Seminar Perpustakaan Sultan Abdul Samad pada tahun 2012. Menurut Puan Hawa Abdul Majid, Ketua Bahagian Latihan dan Khidmat Sokongan, objektif utama seminar di peringkat Jabatan adalah memupuk dan memberi peluang kepada pustakawan terlibat dalam kegiatan penyelidikan, penulisan dan pembentangan kertas kerja.

Selain daripada itu, seminar ini menjadi medan penyebaran, perkongsian serta pertukaran maklumat

dan ilmu dalam kalangan pustakawan bagi memperkasakan lagi perkhidmatan perpustakaan. Sehubungan dengan itu juga, Ketua Pustakawan, Encik Amir Hussain Md Ishak, semasa ucapan perasmianya juga menggalakkan pustakawan menulis bagi mempertingkatkan imej dan sumbangan pustakawan dalam universiti. Penyertaan seminar ini terbuka kepada semua Pustakawan PSAS. Panggilan kertas kerja seminar bermula pada Januari 2012 dan sebanyak 12 kertas kerja telah diterima mengikut bahagian. Seminar berlangsung dalam dua (2) sesi iaitu pada bulan Julai dan November.

Topik kertas kerja berdasarkan kajian mengenai persepsi pengguna dan isu-isu semasa berkaitan peranan pustakawan, implikasi teknologi maklumat dan perkhidmatan perpustakaan. Seminar dimulai dengan pembentangan oleh Encik Amir Hussain Md Ishak, Ketua Pustakawan dengan tajuk: "Reconfiguring the professional workforce".

Selain daripada itu, dua (2) orang Pustakawan iaitu

Puan Salmah Abdullah dan Encik Mohd Dasuki Sahak, yang telah membentangkan kertas kerja mereka di International Conference on Libraries, Kota Bharu Kelantan, pada bulan Julai 2012. Seorang lagi pustakawan iaitu Encik Samsul Farid Samsudin yang membentangkan kertas kerja di CONSAL, Bali, pada bulan Mei 2012, turut juga membentangkan kertas kerja yang sama di Seminar PSAS 2012. Puan Salmah Abdullah telah membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Research Attitudes of Malaysian Public Higher Institution Librarians' dan Encik Mohd Dasuki telah membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Performance Indicators in Measuring Academic Library'. Encik Samsul Farid pula telah membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'MyUninet : Its Contribution in Resource Sharing and Library Networking in Malaysia'.

Pihak urusetia turut merancang untuk menerbitkan kertas kerja ini dalam bentuk prosiding dan akan diinput dalam 'UPM Institutional Repository'.



Encik Muzaffar Shah Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, sedang menyampaikan kertas pembentangan bertajuk "Transformation of Library Services: Services for New Generation".

Encik Shaifol Yazam Mat, Ketua Bahagian Sistem dan Teknologi sedang menyampaikan kertas pembentangan bertajuk "Internet vs Librarian: Would it be a war".





e-Books



Textbooks @ Your Fingertips
Anytime, anywhere

www.lib.upm.edu.my


CAB e-Books, Wiley, Emerald

Gale Virtua, Ebscohost, IG Publishing

Karger, Manson, RSC

Science Direct, Springer

World e-Book



ONLINE DATABASE JOVE

Journal of Visualized Experiments (JoVE) is a peer reviewed, PubMed indexed journal devoted to the publication of biological, medical, chemical and physical research in a video format.

JoVE: Rapid Knowledge Transfer

The Journal of Visualized Experiments (JoVE) was established as a new tool in life science publication and communication, with participation of scientists from leading research institutions. JoVE takes advantage of video technology to capture and transmit the multiple facets and intricacies of life science research. Visualization greatly facilitates the understanding and efficient reproduction of both basic and complex experimental techniques, thereby addressing two of the biggest challenges faced by today's life science research community: i) low transparency and poor reproducibility of biological experiments and ii) time and labor-intensive nature of learning new experimental techniques.

JoVE: Addressing Complexity

The complexity and breadth of life science research

has increased exponentially in recent years. Research progress and the translation of findings from the bench to clinical therapies relies on the rapid transfer of knowledge both within the research community and the general public. Written word and static picture-based traditional print journals are no longer sufficient to accurately transmit the intricacies of modern research.

JoVE: Lifting the Laboratory Time Sink

As every researcher in the life sciences knows, it can take weeks or even months to learn, perfect, and apply new experimental techniques. It is especially difficult to reproduce newly published studies describing the advanced state-of-the-art techniques. Thus, much time in the laboratory is spent learning techniques and procedures. This is a never ending process for experimental scientists as methodologies in this fast-growing field evolve and change with each coming year (e.g. genomics and proteomics, most dramatically). The time and resource-consuming process of learning and staying current with techniques and procedures is a rate-limiting step in the advancement of scientific research and drug discovery.

*For further information, please refer to reference librarian, PSAS
Tel: 03 8946 8642

BOOK REVIEW

MEASURING LIBRARY PERFORMANCE: PRINCIPLES AND TECHNIQUES

Author : Peter Brophy.

Publisher : Facet

Year of Publication : 2006

Call Number : Z678.85 B873

Location : Main Library



Organizations of all kinds are regularly called on to provide evidence of their effectiveness by measuring performance. Libraries and other information agencies are no exception. The motivations for performance measurement in libraries may have evolved over time (particularly as new services are offered, and newer—e.g., electronic—resources are made available), but increasingly libraries must demonstrate their worth for things that sometimes elude simple quantification. In *Measuring Library Performance: Principles and Techniques*, Brophy presents a thoroughly researched and exceptionally clear and well-organized guide on this topic. Brophy is a professor of information management at Manchester Metropolitan University and is the director of the Centre for Research in Library and Information Management. The book could be useful to professional librarians, students in library and information science programs, and researchers in library and information science.

Reviewed by James E. Andrews, PhD, (2007).

MAKING LEARNING WHOLE: HOW SEVEN PRINCIPLES OF TEACHING CAN TRANSFORM EDUCATION


Author : David N Perkins

Publisher : Jossey-Bass

Year of Publication : 2009

Call Number : LB1060 P448

Location : Main Library



David Perkins, a noted authority on teaching and learning, introduces a new, practical, and research-based framework for teaching. Using learning the game of baseball as a metaphor, Perkins illustrates how teaching any subject at any level can be made more effective if students are introduced to the “whole game”, rather than isolated pieces of a discipline.

ADVANCES IN CHEMICAL PHYSICS

Publisher : John Wiley

Year of Publication : 2012

Call Number : QD453 A244 Vol.147

Location : Main Library



The *Advances in Chemical Physics* series provides the chemical physics and physical chemistry fields with a forum for critical, authoritative evaluations of advances in every area of the discipline. Filled with cutting-edge research reported in a cohesive manner not found elsewhere in the literature, each volume of the *Advances in Chemical Physics* series offers contributions from internationally renowned chemists and serves as the perfect supplement to any advanced graduate class devoted to the study of chemical physics.

MODELS AND APPLICATIONS OF CHAOS THEORY IN MODERN SCIENCES


Author : Zeraoulia, Elhadj.

Publisher : Science Publishers

Year of Publication : 2011

Call Number : Q172.5 C45Z58

Location : Main Library



This book is a compilation of recent select papers presenting a comprehensive view on some models and applications of chaos theory in medicine, biology, ecology, economy, electronics, mechanical and human sciences. The papers, written by many of the leading experts in the field, cover both the experimental and theoretical aspects of the subject.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR



Taklimat ringkas oleh Pustakawan di ruang lobi

Lawatan ke Bahagian Koleksi Khas

LAWATAN DARIPADA PELAJAR POLITEKNIK KELANTAN, FEBRUARI 2012



Wakil rombongan menerima cenderahati daripada Puan Rosmala, Timbalan Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan)

Pelawat melihat pameran PSAS

LAWATAN DARIPADA STAF PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SHAH ALAM, JUN 2012



Pelawat di Anjung Siswazah

Pelawat dibawa melihat "Scanner Trial" di ruang bacaan Aras 1

LAWATAN DELEGASI MAE FAH LUANG UNIVERSITY THAILAND, NOVEMBER 2012

*Learning Never Exhausts
Learning is the Beginning of Wealth, Health and Spirituality*



Lokasi : Ruang Bacaan, Aras 2, Blok A PSAS

Photo oleh Nur Asmahan Nor Azman

Fakulti Pertanian

Juara Pertandingan Fotografi 2012 'Perpustakaan Menerusi Lensa' (kategori pelajar)



Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan.
www.lib.upm.edu.my | lib@lib.upmedu.my

ISSN 1675-4808



9 771675 480008